Kesilapan penggunaan imbuhan akhiran yang lazim diberikan dalam hantaran ini.

1. Jangan guna tandas itu.

Jangan gunakan tandas itu.

2. Sila tuliskan nama kami dalam borang itu.

Sila tulis nama kamu dalam borang itu.

3. Para penonton diharap supaya tidak berasak-asak memasuki pekarangan stadium.

Para penonton diharapkan supaya tidak berasak-asak memasuki pekarangan stadium.

4. Para pekerja diarah supaya bekerja dengan mematuhi langkah-langkah keselamatan.

Para pekerja diarahkan supaya bekerja dengan mematuhi langkah-langkah keselamatan.

5. Kami menanti ketibaan Yang di-Pertuan Agong di pekarangan istana.

Kami menantikan ketibaan Yang di-Pertuan Agong di pekarangan istana.

6. Segerombolan penjenayah ditangkap kerana kesalahan menyeludup dadah dari Singapura.

Segerombolan penjenayah ditangkap kerana kesalahan menyeludupkan dadah dari Singapura.

7. Segala persiapan sambutan hari ulang tahun kelahiran Fiza akan kami uruskan.

Segala persiapan sambutan hari ulang tahun kelahiran Fiza akan kami urus.

8. Sesiapa yang menceroboh ke kawasan berpagar itu akan didakwa.

Sesiapa yang mencerobohi kawasan berpagar itu akan didakwa.

9. Tuan Abdul diberkas oleh polis kerana memperhamba dan menganiaya dua orang pembantu rumahnya.

Tuan Abdul diberkas oleh polis kerana memperhamba dan menganiayai dua orang pbantu rumahnya.✅

10. Sila isi jawaban pada ruangan itu.

Sila isikan jawaban pada ruangan itu.